

PERCERAIAN IBU BAPA DERA EMOSI ANAK

Oleh: Umi Imarah binti Osman, 1171084,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Disiarkan pada 23 Ogos 2020



Masyarakat tidak sepatutnya memandang remeh terhadap isu penderaan emosi kanak-kanak kerana ia boleh memberi impak yang serius terhadap kesihatan mental, pertumbuhan fizikal, kesejahteraan dan perkembangan.

Kanak-kanak yang mengalami gangguan emosi lazimnya diselubungi kegelisahan, kemurungan, sangat pendiam, kelakuan yang agresif atau mengalami perkembangan yang lambat.

Perceraian ibu bapa merupakan salah satu punca utama gangguan emosi kanak-kanak lebih-lebih bagi mereka yang memahami hakikat kedua-duanya tidak lagi hidup bersama.

Tempoh sebelum proses perceraian selesai merupakan yang paling genting kerana pelbagai situasi yang terjadi seperti pergaduhan, konflik dan keganasan rumah tangga.

Dalam keadaan seperti ini, anak-anak mudah menjadi mangsa penderaan emosi terutamanya mereka yang masih kecil.

Setelah proses perceraian berakhir, penderitaan emosi terhadap kanak-kanak masih lagi berterusan.

Anak-anak mula dipisahkan daripada ibu atau bapa mereka dan mungkin berlaku pertengkaran berhubung hak penjagaan anak-anak.

Tekanan kepada anak-anak boleh meningkat apabila kes tuntutan hak penjagaan dibawa ke mahkamah di mana segala keburukan ibu bapa didedahkan secara terbuka.

Tanpa disedari, emosi anak-anak tergores apabila ibu dan bapa mereka saling membuka pekung di dada masing-masing bagi menjatuhkan kredibiliti salah seorang daripada mereka.

Selepas selesai proses tuntutan hak penjagaan anak-anak, ketiadaan seorang bapa di rumah turut mengganggu emosi anak-anak.

Mereka akan berubah menjadi kanak-kanak yang suka memberontak lebih-lebih lagi bagi meluahkan kekecewaan apabila ibu atau bapa mereka mendirikan rumah tangga dengan pasangan baharu.

Lebih memburukkan keadaan, ibu atau bapa mungkin tidak lagi mengambil berat tentang anak kandung sendiri setelah mempunyai anak daripada pasangan baharu sekali gus menyebabkan anak-anak berasa seolah-olah diabaikan.



Tanpa disedari, penderaan emosi yang dialami oleh kanak-kanak terbabit adalah lebih menyakitkan daripada didera secara fizikal.

Penderaan emosi terhadap kanak-kanak merupakan satu masalah yang boleh membawa kepada kesan negatif terhadap perkembangan mereka.

Sehubungan itu, semua pihak perlu menggembeleng tenaga dan berganding usaha untuk membanteras masalah ini dengan mencari penyelesaian secara menyeluruh.

Masyarakat juga perlu memahami bahawa penderaan emosi adalah satu malapetaka senyap kerana ia akan memberi kesan secara berbahaya.